

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI UPACARA PERASMIAN PENTAS KEBUDAYAAN KARYANEKA
DI PUSAT KARYANEKA
JALAN RAJA CHULAN, KUALA LUMPUR
PADA HARI JUMAAT, 16HB. MAC, 1984
PUKUL 3.00 PETANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, khasnya Jawatankuasa Majlis Perasmian ini, kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Pentas Kebudayaan KARYANEKA pada petang ini. Terima kasih juga kepada dif-dif dan para hadirin yang dapat melapangkan masa untuk bersama-sama di majlis ini.

2. Sempena majlis perasmian ini, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, khasnya kepada Y.B. Dato' Sanusi Junid, atas inisiatif dan usaha beliau yang gigih bagi mewujudkan dan memajukan Kompleks KARYANEKA yang kita lihat pada hari ini. Pentas Kebudayaan KARYANEKA yang tersergam indah di hadapan kita, adalah menjadi satu lagi penggalakan untuk para seniman kita mengembangkan seni budaya Malaysia. Kegiatan ini akan dapat menarik perhatian dan minat pelawat-pelawat, terutamanya pelancong-pelancong untuk datang ke Kompleks KARYANEKA ini.

3. Matlamat utama semua kegiatan dan usaha di Kompleks ini satu saja, iaitu untuk memajukan pengeluaran dan pemasaran hasil kraftangan dan industri kampung. Maka sesuai dengan wujudnya gerai-gerai atau rumah-rumah yang mewakili negeri-negeri, saya berharap para pelawat yang datang ke

Kompleks ini dapat pula menyaksikan persembahan kebudayaan dari negeri-negeri. Ini akan menjadi hiburan dan kenangan mereka, disamping melihat dan membeli barang-barang kraftangan dan industri kampung.

4. Dalam usaha kita memajukan kraftangan dan industri kampung, yang bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat luar bandar, adalah perlu juga diperhatikan supaya ciri-ciri seni warisan kita yang bernilai dapat dipertahankan. Sungguhpun barang-barang ini dikeluarkan atas dasar perniagaan atau commercial, namun aspek seni yang ada kaitan dengan identiti bangsa kita perlu diperkembangkan dengan sewajarnya. Dari segi perniagaan pun, saya rasa, aspek seni yang memperlihatkan keunikan bangsa kita, akan menjadi pelaris yang mujarab.

5. Oleh itu sukalah saya mengesyurkan supaya pihak KARYANEKA dapat membentuk suatu identiti bagi KARYANEKA sendiri. Ini mungkin dapat dilakukan melalui hasil-hasil kraftangan dan persembahan-persembahan kebudayaan. Salah satu cara yang boleh memperkenalkan identiti KARYANEKA ialah melalui lagu yang bertemakan Karyaneke.

6. Saya berharap dengan adanya kemudahan seperti pentas kebudayaan ini, akan dapat membantu KARYANEKA dalam usaha menarik lebih ramai pelawat, baik dari dalam dan luar negeri. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tentulah merancangkan Iain-lain program yang dapat meningkatkan lagi pemasaran, mutu dan pengeluaran hasil kraftangan dan industri kampung.

7. Saya percaya semua pihak yang terlibat dalam projek KARYANEKA ini akan terus berusaha dengan lebih hebat, memandangkan kejayaan yang telah kita capai dalam masa yang singkat saja, sangat menggalakkan. Dan kita semua amatlah berbesar hati, kiranya ada mana-mana pihak, sama ada perseorangan, persatuan atau institusi, yang sudi memberikan

apa juga bentuk sumbangan bagi menjayakan lagi usaha kita ini. Sumbangan yang positif dan membina sentiasa dialu-alukan.

8. Dengan harapn ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pentas Kebudayaan KARYANEKA.

Terima kasih.
